

METODE PENULISAN FIQH OLEH NŪR AL-DĪN AL-RĀNĪRĪ DALAM KITAB *AL-ŞIRĀṬ AL-MUSTAQĪM*

Jamalluddin Hashim*
Abdul Karim Ali**

ABSTRACT

Al-Şirāṭ al-Mustaqīm by Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī (1600-1658M) is the oldest work on fiqh in Malay language ever known in South East Asia. It is not a comprehensive work on fiqh, but it deals only matters pertaining to 'ibādat. It was once regarded as an authoritative work in fiqh in Malay Archipelagoes particularly in Aceh. This article attempts to identify al-Rānīrī's methods that was used in his al-Şirāṭ al-Mustaqīm regarding the content of the book, sources of his writing and his approach to discussing related issues. This article mainly relies on library research and it is a content analysis. Most of the data are collected or referred to the al-Şirāṭ al-Mustaqīm. This research discovered that the write up of the al-Şirāṭ al-Mustaqīm has been influenced by the writing of taqlīd era, i.e. mazhab's fanaticism, lack of evidence and loaded with juristic views. Secondly, Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī was a jurist who was able to exercise his ijtihād in several juristic issues. In other words, he has only rendered works of great Shāfi'īe jurists to Malay language, and exercised his ijtihād.

* Lecturer, Faculty of Islamic Contemporary Studies, University Darul Iman Malaysia and PhD Candidate, Department of Fiqh Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.

** Associate Professor, Department of Fiqh Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, abdkarim@um.edu.my.

Keywords: *al-Şirāṭ al-Mustaqīm, Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī, oldest work on fiqh in Malay, al-Rānīrī's method of writing*

PENDAHULUAN

Al-Şirāṭ al-Mustaqīm merupakan kitab fiqh berbahasa Melayu yang pertama sekali dikarang di Nusantara ini. Walaupun kitab ini hanya membicarakan tentang fiqh ibadat sahaja, namun ia merupakan perintis kepada penulisan kitab-kitab fiqh berbahasa Melayu. Selepas daripada itu, muncul pelbagai karya fiqh yang dihasilkan oleh para ulama di Nusantara ini. Kemunculan *al-Şirāṭ al-Mustaqīm* suatu yang amat signifikan kepada ummah Melayu pada masa itu sebagai rujukan dan panduan dalam melaksanakan ibadat kepada Allah s.w.t. Sambutan yang diterima terhadap kitab ini amat hebat sekali sehinggakan ia dianggap kitab yang paling berpengaruh dan berautoriti serta digunapakai dengan meluas terutamanya di Aceh sehingga abad ke-19. Bukan sahaja di Aceh, bahkan kitab ini juga digunapakai secara meluas di seluruh Alam Melayu.

Penulisan kitab ini yang hanya menumpukan bahagian fiqh ibadat sahaja telah diikuti oleh beberapa buah karangan yang lain pula seperti *Sabīl al-Muhtadīn* karya agung Shaykh Muḥammad Arshad al-Banjārī, *Bughyah al-Ṭullāb* oleh Shaykh Dāwūd b. ‘Abd Allah al-Faṭānī, *Faṭḥ al-Mubīn* karya Shaykh Muḥammad Şāliḥ b. Murīd al-Rāwī dan *al-Baḥr al-Wāfi Wa al-Nahr al-Şāfi* karya Shaykh Muḥammad b. Ismā‘īl Dāwūd al-Faṭānī. Karangan-karangan tersebut merupakan kesinambungan daripada karya Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī ini. Ia diolah dalam bentuk huraian yang lebih luas dan mendalam daripada apa yang dilakukan oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī dalam kitabnya itu. Maka jelas di sini, bahawa *al-Şirāṭ al-Mustaqīm* sangat besar sekali sumbangannya dalam penulisan ilmu fiqh kerana ia selalu dijadikan pedoman oleh ulama-ulama mazhab Shāfi‘ī di Nusantara dalam usaha penulisan fiqh berbahasa Melayu dengan lebih lanjut lagi.

MUKADIMAH PENGARANG

Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī memulakan kitabnya ini menurut kebiasaan yang dilakukan oleh kebanyakan para pengarang dengan berkhotbah memuji dan memuja Allah s.w.t seterusnya berselawat memuji junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat r.a. Khotbah kitab beliau ini dilakukan dalam bahasa Arab dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Pada khutbah kitab ini, beliau menjelaskan beberapa perkara yang berkait dengan penulisan kitab beliau ini. Ia adalah sebagaimana berikut :

- i. Tahun beliau memulakan penulisan kitab ini.
- ii. Sebab beliau mengarang kitab ini.
- iii. Aliran mazhab fiqh yang mendasari penulisan kitab ini.
- iv. Tujuan beliau mengarang kitab ini.
- v. Nama kitab ini.¹
- vi. Rujukan yang beliau gunakan dalam mengarang kitab ini.

Beliau juga didapati amat bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa penulisannya ini bertepatan dengan kehendak *al-Qur'ān* dan *al-Ḥadīth*. Beliau juga berpesan kepada pembaca jika sekiranya terdapat petikan yang salah dalam penulisannya ini daripada sumber-sumber rujukannya, maka hendaklah diperbetulkan petikan tersebut dengan susunan ayat yang lebih tepat. Seterusnya beliau berpesan supaya kitab ini disebarluaskan ke seluruh negeri-negeri Islam supaya beliau diganjari pahala oleh Allah s.w.t.²

RUJUKAN PENGARANG

Pada mukadimah *al-Şirāṭ al-Mustaqīm*, beliau menyenaraikan beberapa buah kitab fiqh berbahasa Arab yang dijadikan rujukan asas dalam penulisan kitabnya ini.³ Huraian tentang rujukan-rujukan beliau ini adalah seperti berikut:

i. *Minhāj al-Ṭālibīn Wa 'Umdah al-Muftīn*

Kitab ini dihasilkan oleh al-Imām al-Nawawī. Ia merupakan ringkasan kitab *al-Muḥarrar* karya al-Imām al-Rāfi'ī. *Minhāj al-Ṭālibīn* merupakan kitab yang sering digunakan untuk merujuk pendapat-pendapat yang muktamad dalam mazhab Shāfi'ī selepas berlakunya proses pemurnian (*al-tanqih*) yang kali

¹ Perkara i, ii, iv dan v telah penulis huraikan dalam kajian lain. Lihat Jamalluddin bin Hashim dan Abdul Karim bin Ali (2008), "Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim Oleh Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri: Satu Sorotan", *Jurnal Fiqh*, 5 (9), hh. 197-216.

² Lihat Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī (1937), *al-Şirāṭ al-Mustaqīm Fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī raḍiy Allāh 'anhu*, Mesir: Sharikah Maktabah Wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlādihi, hh. 2-4.

³ *Ibid*, h. 4.

pertama dilakukan dalam sejarah perkembangan mazhab Shāfi'ī.⁴ Oleh kerana itu, kitab ini telah mendapat perhatian yang tinggi di kalangan ulama-ulama mazhab Shāfi'ī untuk diperkembangkan sama ada diberikan huraian (*sharḥ*), komentar (*ḥāshiah*), dilakukan ringkasan, disusun dalam bentuk nazam dan lain-lain lagi sehingga jumlah keseluruhannya yang dapat dikesan hingga kini mencecah 230 buah kesemuanya.⁵ Antara yang paling terkenal ialah dalam bentuk huraian (*sharḥ*) seperti *Tuḥfah al-Muḥtāj Bi Sharḥ al-Minhāj* oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Niḥāyah al-Muḥtāj Ila Sharḥ al-Minhāj* oleh Shams al-Dīn al-Ramlī dan *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rifah Alfāz al-Minhāj* oleh al-Khaṭīb al-Sharbīnī.⁶

Selain menjadi tumpuan ulama-ulama dalam mazhab Shāfi'ī untuk dijadikan bahan kajian dan hafalan⁷, kitab ini juga mendapat perhatian orientalis apabila ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis oleh L. W. C. Van Den Berg.⁸

⁴ Walaubagaimanapun, terdapat 46 masalah fiqh dalam *Minhāj al-Ṭalībīn* yang tidak muktamad dalam Mazhab Shāfi'ī sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama-ulama yang pernah menghuraikan (*sharḥ*) kitab ini. Lihat Muṣṭafā b. Ḥāmid b. Ḥasan b. Sumayṭ (2005), *al-Masā'il Ghayr al-Mu'tamadah Fī al-Minhāj*, Tarīm : Dār al-'Ilm Wa al-Da'wah, hh. 33-230; Muḥammad b. 'Umar b. Aḥmad al-Kāf (2008), "al-Mu'tamad 'Ind al-Shāfi'iyyah" (Disertasi Sarjana, Fakulti Shari'ah, Universiti Islam Beirut) h. 289.

⁵ Muḥammad Ibrāhīm Aḥmad 'Alī (1978), "al-Madhhab 'Ind al-Shāfi'iyyah", *Majallah Jāmi'ah al-Malik 'Abd al-'Azīz*, Bil. 2, Jun 1978, h. 12; 'Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān (1986), *Kitābah al-Baḥth al-'Ilmī Wa Maṣādir al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, Jeddah : Dār al-Shurūq, h. 363; Ismā'il Sālim 'Abd al-'Āl (1992), *al-Baḥth al-'Ilmī*, t.tp : Maktabah al-Zahrā', h. 139; Muḥammad al-Zuḥaylī (1992), *Marji' al-'Ulūm al-Islāmiyyah*, Damsyik : Dār al-Ma'rifah, h. 521; Muḥammad al-Ṭayyib b. Muḥammad b. Yūsuf al-Yūsuf (2000), *al-Madhhab 'Ind al-Shāfi'iyyah Wa Dhikr Ba'd 'Ulamā'ihim Wa Kutubihim Wa Iṣṭilāḥātihim*, Taif : Maktabah Dār al-Bayān al-Ḥadīthah, h. 176; Akram Yūsuf 'Umar al-Qawāsīmī (2003), *al-Madkhal Ilā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī*, Jordan : Dār al-Nafā'is, h. 525; Aḥmad b. 'Abd al-'Azīz al-Ḥaddād (2005), "Muqadimmah", dalam Yahyā b. Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Ṭalībīn*, j. 1. Beirut : Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, h. 14; al-Kāf (2008), *op. cit.*, h. 213; Ḥājī Khalīfah (t.t), *Kashf al-Dhunūn 'An Asāmī al-Kutub Wa al-Funūn*, j. 2. Beirut : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 1873.

⁶ Lihat al-Qawāsīmī (2003), *op. cit.*, h. 525; Naamane Djeghin (2007), *Madkhal Ilā al-Madhhab al-Shāfi'ī*, Kuala Lumpur : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, h. 104; Ḥājī Khalīfah (t.t), *op. cit.*, j. 2, hh. 1873-1876.

⁷ Lihat al-Qawāsīmī (2003), *op. cit.*, h. 525.

⁸ Lihat Karel A. Steenbrink (1988), *Kitab Suci Atau Kertas Toilet*, Yogyakarta: IAIN Sunan Kalijaga Press, h. 3.

Kemudian E. C. Howard telah mengalihbahasa pula ke dalam bahasa Inggeris berdasarkan terjemahan yang dilakukan oleh L. W. C. Van Den Berg ini. Prof. Madya Dr. Mat Saad Abd. Rahman pula telah menterjemahkan kitab ini ke dalam bahasa Melayu hingga *Kitāb al-Janā'iz* sahaja.

ii. *Manhaj al-Ṭullāb* dan *Faṭḥ al-Wahhāb*

Pengarang kedua-dua kitab di atas ialah Shaykh al-Islām al-Imām Abū Yahyā, Zakariyyā b. Muḥammad b. Aḥmad b. Zakariyyā al-Anṣārī al-Sunaykī al-Miṣrī. *Manhaj al-Ṭullāb* merupakan ringkasan daripada *Minḥāj al-Ṭālibīn* karangan al-Imām al-Nawawī di atas. Pengarang telah melakukan proses permurnian pada kitab tersebut dengan membuang permasalahan-permasalahan khilaf yang dinyatakan oleh al-Imām al-Nawawī dan hanya mengekalkan pendapat-pendapat yang muktamad sahaja. Di samping itu juga, beliau turut mempermudah bahasa yang terkandung di dalamnya. Hasilnya, kitab ini mendapat sambutan yang amat baik oleh para alim ulama. Seterusnya pengarang sendiri telah melakukan huraian (*sharḥ*) terhadap *Manhaj al-Ṭullāb* itu dan diberi judul *Faṭḥ al-Wahhāb Bi Sharḥ Manhaj al-Ṭullāb*. Al-Shaykh Sulaymān b. ‘Umar b. Muḥammad al-Bujayrimī pula melakukan komentar (*ḥāshiah*) ke atas kitab ini dengan judul komentarnya *al-Tajrīd Li Naf‘ al-‘Abīd*. Terdapat satu lagi komentar bagi kitab ini iaitu *Hāshiah al-Jamal ‘Alā Sharḥ al-Manhaj* karangan al-Shaykh Sulaymān b. ‘Umar b. Manṣūr al-‘Ujaylī al-Miṣrī al-Shāfi‘ī. *Faṭḥ al-Wahhāb* ini juga mempunyai kedudukan yang tinggi dalam mazhab Shāfi‘ī kerana pandangan-pandangan fiqh yang dikemukakan di dalamnya antara yang muktamad dalam mazhab Shāfi‘ī. Walaubagaimanapun, menurut kebanyakan ulama-ulama mazhab Shāfi‘ī yang *muta’akhhirīn* (mereka yang hidup dalam lingkungan tahun 1004H hingga 1335H), pandangan-pandangan beliau ini dianggap *rājih* dalam mazhab dan muktamad untuk difatwakan jika sesuatu masalah itu tidak disentuh dalam karangan-karangan Shaykh Ibn Ḥajar al-Haytamī dan Shaykh Shams al-Dīn al-Ramlī.⁹

⁹ Lihat Al-Sayyid ‘Alawī b. Aḥmad al-Saqqāf (1940), *al-Fawa'id al-Makkiyyah Fi Ma Yahtajuhū Talabah al-Shāfi'īyyah Min al-Masa'il Wa al-Ḍawābit Wa al-Qawā'id al-Kulliyah*, dalam al-Sayyid ‘Alawī b. Aḥmad al-Saqqāf, *Sab'ah Kutub Muftidah*, Mesir : Sharikah Maktabah Wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlādihi, h. 37; Muhammad Ibrahim Ahmad ‘Ali (1978), *op. cit.*, h. 19; al-Sayyid al-Bakrī Ibn al-Sayyid Muḥammad Shaṭā al-Dimyāṭī (1993), *Hāshiah I‘ānah al-Ṭālibīn ‘Alā Ḥall Alfāz Faṭḥ al-Mu‘īn*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, h. 27; al-Yūsuf (2000), *op. cit.*, hh. 232 & 256; al-Qawāsīmī (2003), *op. cit.*, h. 537; Naamane

iii. *Hidāyah al-Muhtāj Sharḥ Mukhtaṣar Ibn Ḥājj*

Maklumat tentang kitab yang dinyatakan oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī ini tidak dapat diperolehi oleh penulis setelah merujuk kepada kebanyakan penulisan-penulisan tentang riwayat hidup Shaykh Ibn Ḥajar al-Haytamī yang dinyatakan sebagai pengarang kitab ini.¹⁰ Berdasarkan semakan ke atas tesis MA berjudul “al-Imām Ibn Ḥajar al-Haytamī Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī” tulisan Amjad Rashīd Muḥammad ‘Alī, beliau telah menyenaraikan kesemua karya Shaykh Ibn Ḥajar al-Haytamī sama ada yang bercetak mahupun yang masih dalam bentuk manuskrip. Beliau berjaya menemui sebanyak 148 buah karya penulisan Shaykh Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Dalam jumlah tersebut, 78 buah merupakan karya dalam bidang fiqh. Dalam senarai tersebut tidak terdapat kitab yang berjudul *Hidāyah al-Muhtāj Sharḥ Mukhtaṣar Ibn Ḥājj*.¹¹ Berdasarkan semakan ke atas karangan-karangan yang menyenaraikan nama-nama kitab pula, penulis bertemu dengan dua buah kitab yang judulnya terdapat perkataan *Hidāyah al-Muhtāj* iaitu *al-Tāj ‘Alā Hidāyah al-Muhtāj ‘Alā Qissah al-Isrā’ Wa al-Mi‘rāj* karya Aḥmad b. Muḥammad b. Muwaffaq al-Dīn al-Suḥaymī dan *Hidāyah al-Muhtāj Ilā*

Djeghin (2007), *op. cit.*, h. 109; al-Kāf (2008), *op. cit.*, h. 250; Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥifnawī (t.t), *al-Faṭḥ al-Mubīn Fī Ḥall Rumūz Wa Muṣṭalahāt al-Fuqahā’ wa al-Uṣūliyyin*, t.tp, h. 110; Al-Sayyid ‘Alawī b. Aḥmad al-Saqqāf (t.t), *Tarshīḥ al-Mustafīdīn*, Beirut: Mu’assasah Dār al-‘Ulūm, h. 5.

¹⁰ Lihat Ismā‘īl Bāshā al-Baghdādī (1955), *Hadiyyah al-‘Arifīn*, j. 1. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 146; ‘Abd al-Mu‘izz ‘Abd al-Ḥamīd al-Jazzār (1981), *Ibn Ḥajar al-Haytamī*, Kaerah: Wizārah al-Awqāf al-Majlis al-‘Alā Li al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, hh. 191-216; Muḥy al-Dīn ‘Abd al-Qādir b. ‘Abd Allāh al-‘Aydarūsī (1985), *Tārīkh al-Nūr al-Sāfir ‘An Akhbār al-Qarn al-‘Ashir*, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 258; Shihāb al-Dīn ‘Abd al-Ḥayy b. Aḥmad Ibn al-‘Imād al-Hanbalī (1991), *Shadharāt al-Dhahab Fī Akhbār Man Dhahab*, j. 10. Damsyik: Dār Ibn Kathīr, h. 541; ‘Umar Riḍā Kaḥālāh (1993), *Mu‘jam al-Mu‘allifīn*, j. 1. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 293; Najm al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazzī (1997), *al-Kawākib al-Sā‘irah Bī A’yān al-Mi‘ah al-‘Ashirah*, j. 2; Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 101; Muḥammad b. ‘Alī al-Shawkānī (1998), *al-Badr al-Ṭālī ‘Bi Maḥāsīn Man Ba‘ al-Qarn al-Ṣabi’*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 124; Amjad Rashīd Muḥammad ‘Alī (2000), “al-Imām Ibn Ḥajar al-Haytamī Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī” (Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Tinggi, Universiti Jordan) hh. 44-80; Khayr al-Dīn al-Ziriklī (2002), *al-A‘lām*, j. 1. Beirut: Dār al-‘Ilm Li al-Malāyīn, h. 234.

¹¹ Lihat Amjad Rashīd Muḥammad ‘Alī (2000), *op. cit.*, hh. 44-80.

Aḥkām al-Azwāj karya ‘Abd al-Raḥmān b. Muḥammad b. Aḥmad al-Hifzī.¹² Namun kedua-dua kitab ini tidak boleh dikaitkan dengan kitab yang dibicarakan ini. Penulis juga menyemak nama-nama tokoh penulis yang bergelar Ibn al-Ḥājj dalam *Mu‘jam al-Mu‘allifīn*. Seramai 23 tokoh bergelar Ibn al-Ḥājj disenaraikan dalam kitab ini.¹³ Namun tidak ada seorang pun yang boleh dikaitkan dengan Ibn Ḥājj yang namanya tercatat pada judul kitab *Hidāyah al-Muḥtāj Sharḥ Mukhtaṣar Ibn Ḥājj* ini. Berdasarkan kepada pencarian ini, penulis menyimpulkan wujud dua kemungkinan berhubung dengan perkara ini. Pertama, *Hidāyah al-Muḥtāj Sharḥ Mukhtaṣar Ibn Ḥājj* merupakan kitab yang sama dengan *Tuhfah al-Muḥtāj Bi Sharḥ al-Minhāj*. Kedua, kitab *Hidāyah al-Muḥtāj Sharḥ Mukhtaṣar Ibn Ḥājj* benar-benar wujud, tetapi manuskripnya masih lagi belum ditemui sehingga kini.

iv. *Al-Anwār Li A‘māl al-Abrār*

Pengarang kitab ini ialah Jamāl al-Dīn Yūsuf b. Ibrāhīm al-Ardabīlī. Penulisan kitab ini berdasarkan kepada ringkasan daripada beberapa buah fiqh Mazhab Shāfi‘ī seperti *al-Sharḥ al-Kabīr*, *al-Sharḥ al-Ṣaghīr*, *Rawḍah al-Tālibīn*, *Sharḥ al-Lubāb*, *al-Muḥarrar*, *al-Ḥāwī* dan *al-Ta‘līqah*. Menurut pengarang, kitab beliau ini mengandungi isu-isu fiqh penting yang sentiasa berlaku di kalangan orang ramai namun ianya tidak disentuh dalam kitab-kitab yang muktabar tersebut.¹⁴ Kitab ini tersebar luas di kebanyakan tempat dan mendapat penerimaan yang baik oleh pengikut-pengikut mazhab Shāfi‘ī untuk dipelajari dan fatwa-fatwa yang terkandung di dalamnya diterima pakai.¹⁵ Kitab ini juga telah diberikan komentar (*ḥāshiah*) ke atasnya iaitu *Ḥāshiah al-Kummathrā* dan *Ḥāshiah al-Ḥājj Ibrāhīm*.

¹² Lihat al-Baghdādī (1955), *op. cit.*, j. 1, h. 177; ‘Umar Riḍā Kaḥālāh (1993), *op. cit.*, j. 2, h. 107; al-Baghdādī (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 210; j. 2, h. 722.

¹³ Lihat ‘Umar Riḍā Kaḥālāh (1993), *op. cit.*, j. 1, hh. 38, 240, 242, 259, 261, 293, 485, 525, 653, 822; j. 2, hh. 7, 86, 165, 280; j. 3, hh. 63, 118, 185, 234, 268, 453, 619, 638, 682.

¹⁴ Lihat Jamāl al-Dīn Yūsuf b. Ibrāhīm al-Ardabīlī (t.t), *al-Anwār Li A‘māl al-Abrār*, j. 1. Kaherah: Mua’ssasah al-Ḥalabī Wa Shurakāh Li al-Nashr Wa al-Tawzī‘, h. 6; Ḥājī Khalīfah (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 195.

¹⁵ Lihat Ḥājī Khalīfah (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 195; Jamāl al-Dīn Yūsuf b. Ibrāhīm al-Ardabīlī (t.t), “Ḥāshiah al-Kummathrā”, dalam *al-Anwār Li A‘māl al-Abrār*, j. 1. Kaherah: Mua’ssasah al-Ḥalabī Wa Shurakāh Li al-Nashr Wa al-Tawzī‘, h. 5.

v. *‘Umdah al-Sālik Wa ‘Uddah al-Nāsik*

Pengarang kitab ini ialah Shihāb al-Dīn Abū ‘Abbās Aḥmad b. Lu'lu' b. ‘Abd Allāh Ibn al-Naqīb al-Rūmī. Kitab ini mengumpulkan pendapat-pendapat yang *ṣaḥīḥ* dalam mazhab Shāfi‘ī berdasarkan apa yang dipersetujui bersama oleh al-Imām al-Rāfi‘ī dan al-Imām al-Nawawī, ataupun apa yang diputuskan oleh mereka berdua dengan mengutamakan keputusan al-Imām al-Nawawī.¹⁶ Walaupun isi kandungan kitab ini begitu ringkas, namun ia mengandungi kebanyakan dasar-dasar hukum yang penting dalam mazhab Shāfi‘ī. Kitab ini juga mendapat kedudukan yang baik di kalangan pengikut-pengikut mazhab Shāfi‘ī dengan dihafal dan dipelajari isi kandungannya.¹⁷

Selain daripada rujukan-rujukan yang disenaraikan oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī pada mukadimah kitabnya ini, beliau juga didapati merujuk kepada karangan-karangan fiqh yang lain. Perkara ini dapat dikesan apabila dilakukan penelitian secara menyeluruh ke atas *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm* ini. Ianya adalah seperti berikut :

a. *Fatḥ al-Jawwād Sharḥ al-Irshād*

Fatḥ al-Jawwād Sharḥ al-Irshād merupakan salah satu kitab-kitab fiqh karangan al-Shaykh Ibn Ḥajar al-Haytamī yang terkenal. *Fatḥ al-Jawwād* adalah ringkasan kitab *al-Imdād Bi Sharḥ al-Irshād* yang juga merupakan karangan beliau. Kedua-dua kitab ini adalah huraian (*sharḥ*) kepada *Matn al-Irshād*¹⁸ karangan al-Imām Ismā‘īl b. Abī Bakr Ibn al-Muqārī al-Yamanī (m. 837H). *Fatḥ al-Jawwād Sharḥ al-Irshād* merupakan sebuah penulisan fiqh yang dikarang dengan susunan-susunan topik yang menarik dan mendapat sambutan yang baik terutamanya di Yaman. Dikatakan bahawa sangat jarang didapati para pelajar tidak memiliki satu salinan kitab ini. Terdapat dua *ḥāshiah* bagi kitab ini, iaitu *ḥāshiah* yang dilakukan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī sendiri

¹⁶ Lihat Shihāb al-Dīn Abū ‘Abbās Aḥmad b. Lu'lu' b. ‘Abd Allāh Ibn Naqīb al-Rūmī (1985), *‘Umdah al-Sālik Wa ‘Uddah al-Nāsik*, Damsyik: Maktabah al-Ghazālī, h. 17; al-Yūsuf (2000), *op. cit.*, h. 238.

¹⁷ Lihat al-Yūsuf (2000), *op. cit.*, h. 238; Naamane Djeghin (2007), *op. cit.*, h. 113; Ḥājī Khalīfah (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 1167.

¹⁸ *Matn al-Irshād* adalah ringkasan kitab *al-Hāwī al-Ṣaghīr* karangan al-Imām al-Qazwīnī (m. 665). Manakala kitab *al-Hāwī al-Ṣaghīr* pula adalah ringkasan kitab *al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz* karangan al-Imām al-Rāfi‘ī. Lihat al-Kāf (2008), *op. cit.*, h. 332.

dan Ḥāshiah al-‘Allāmah al-‘Uqaybī al-Yamanī. Al-Imām ‘Abd Allāh Bā Qushayr (m. 1076H) telah mencuba melakukan ringkasan terhadap kitab ini tetapi beliau tidak dapat menyelesaikan usahanya itu. *Faṭḥ al-Jawwād Sharḥ al-Irshād* ini berada di tangga yang kedua selepas *Tuḥfah al-Muḥtāj Bi Sharḥ al-Minhāj* untuk dimuktamadkan pandangan-pandangan di dalamnya jika berlaku percanggahan pandangan beliau dalam karangan-karangan fiqhnya.¹⁹

b. *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*

Kitab ini merupakan salah satu karangan fiqh al-Shaykh Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī yang terkenal. Kitab ini mendapat sambutan yang mengalakkan untuk dipelajari dan dirujuk kerana pengarang menggunakan bahasa yang mudah serta membahaskan satu-satu topik itu dengan menarik. Pandangan-pandangan fiqh beliau adalah antara yang muktamad dalam mazhab Shāfi‘ī. Namun begitu, pandangan-pandangan beliau ini dikira muktamad²⁰ untuk difatwakan jika sekiranya sesuatu masalah itu tidak disentuh dalam karya-karya al-Imām Ibn Ḥajar al-Haytamī, al-Imām Shams al-Dīn al-Ramlī dan al-Shaykh Zakariyyā al-Anṣārī.²¹

c. *Tuḥfah al-Muḥtāj Bi Sharḥ al-Minhāj*

Kitab ini merupakan karya agung al-Shaykh al-Imām Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam bidang fiqh. Kitab ini mendapat kedudukan yang paling tinggi sekali di kalangan ulama-ulama Shāfi‘īyyah yang *muta’akhhirīn* apabila ia dianggap rujukan fiqh yang utama di sisi mereka di samping *Nihāyah al-Muḥtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj* karangan al-Shaykh Shams al-Dīn al-Ramlī. Sehingga kini sebanyak dua puluh tujuh (27) pelbagai bentuk penulisan seperti *ḥāshiah* dan ringkasan yang telah ditemui sebagai sumbangan para ulama mazhab Shāfi‘ī

¹⁹ Lihat al-Saqqāf (1940), *op.cit.*, h. 37; Amjad Rashid Muhamad ‘Ali (2000), *op.cit.*, hh. 62 & 95; al-Yūsuf (2000), *op.cit.*, h. 252; al-Kaf (2008), *op.cit.*, h. 261.

²⁰ Sebagai contoh mengenai perbincangan mengenai qawl muktamad dalam mazhab Syafie, lihat artikel Anisah Ab. Ghani, (2008), “Pandangan Mazhab Fiqh Dalam Kes Batal Wuduk Apabila Bersentuh Antara Lelaki dan Wanita Bukan Mahram Semasa Tawaf: Satu Analisis”, *Jurnal Syariah*, 16 (2), hh. 269-278.

²¹ Lihat al-Saqqāf (1940), *op.cit.*, h. 37; Muḥammad Ibrāhīm Aḥmad ‘Alī (1978), *op.cit.*, h. 19; Abū Sulaymān (1986), *op.cit.*, h. 366; al-Zuḥaylī (1992), *op.cit.*, h. 527; Ismā‘īl Sālim ‘Abd al-‘Āl (1992), *op.cit.*, h. 140; al-Yūsuf (2000), *op.cit.*, h. 256; al-Kāf (2008), *op.cit.*, h. 256; al-Ḥifnawī (t.t), *op.cit.*, h. 110; al-Saqqāf (t.t), *op.cit.*, h. 5.

terhadap perkembangan kitab ini.²² Antara yang terkenal ialah *Hāshiah al-Sharwānī* dan *Hāshiah Ibn Qāsim al-'Abbādī* yang dicetak bersamanya.²³

d. *Al-Minhāj al-Qawīm Sharḥ al-Muqadimmah al-Haḍramiyyah Fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*

Kitab ini juga dikenali dengan *al-Manhaj al-Qawīm Bi Sharḥ Masā'il al-Ta'lim*. Kitab ini merupakan huraian (*sharḥ*) yang dilakukan oleh al-Shaykh Ibn Ḥajar al-Haytamī terhadap *al-Muqadimmah al-Haḍramiyyah* karya al-Shaykh 'Abd Allāh b. 'Abd al-Raḥmān b. Abī Bakr Bā Faḍl al-Haḍramī al-Sa'dī al-Madhḥijī (m. 918H), seorang ulama yang terkenal dari *Haḍramawt*.²⁴ *Al-Muqadimmah al-Haḍramiyyah* ini juga dikenali dengan *Masā'il al-Ta'lim*, *Mukhtaṣar Bāb Faḍl* dan *Muqaddimah Bāb Faḍl*. *Al-Minhāj al-Qawīm* mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam senarai karangan-karangan fiqh al-Shaykh Ibn Ḥajar al-Haytamī. Jika berlaku percanggahan pendapat al-Shaykh Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam karangan-karangan fiqhnya, maka yang muktamadnya untuk difatwakan dari segi keutamaannya adalah menurut susunan seperti berikut :

- 1- *Tuḥfah al-Muḥtāj Bi Sharḥ al-Minhāj*
- 2- *Fath al-Jawwād Sharḥ al-Irshād*
- 3- *Al-Imdād*
- 4- *Al-Minhāj al-Qawīm Sharḥ al-Muqadimmah al-Haḍramiyyah Fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*
- 5- Fatwa-fatwa beliau dan *al-Ī'āb Bi Sharḥ al-'Ubāb* (kedua-dua ini sama kedudukan dari segi yang muktamad).²⁵

²² Lihat Amjad Rashīd Muḥammad 'Alī (2000), *op. cit.*, h. 54.

²³ Lihat al-Zuhaylī (1992), *op. cit.*, h. 527.

²⁴ Lihat al-Baghdādī (1955), *op. cit.*, j. 1, h. 475; al-'Aydarūsī (1985), *op. cit.*, h. 92; Ibn al-'Imād (1991), *op. cit.*, j. 8, h. 125; 'Umar Riḍā Kaḥālāh (1993), *op. cit.*, j. 2, h. 249; al-Ziriklī (2002), *op. cit.*, j. 4, h. 96; Ismā'īl Bāshā al-Baghdādī (t.t), *Idāh al-Maknūn Fī al-Dhayl 'Alā Kashf al-Dhunūn*, j. 2. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 543.

²⁵ Lihat al-Saqqāf (1940), *op. cit.*, h. 37; Abū Sulaymān (1986), *op. cit.* h. 365; al-Dimyāfī (1993), *op. cit.*, j. 1, h. 27; Amjad Rashīd Muḥammad 'Alī (2000), *op. cit.*, h. 95; al-Yūsuf (2000), *op. cit.*, h. 252; al-Ḥifnawī (t.t), *op. cit.*, h. 111; al-Saqqāf (t.t), *op. cit.*, h. 5.

Selain kitab-kitab ini, terdapat tiga buah kitab fiqh lain yang disebut oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī iaitu *Aşl al-Rawḍah*, *al-Sharḥ al-Şaghīr* dan *Manāsik al-Nawawī*.²⁶ *Aşl al-Rawḍah* adalah merujuk kepada *Al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz* karangan al-Imām al-Rāfi‘ī. Ia merupakan kitab asal *Rawḍah al-Ṭālibīn Wa ‘Umdah al-Muḥtāṭ* sebelum diringkaskan oleh al-Imām al-Nawawī. *Al-Sharḥ al-Şaghīr* pula adalah karya al-Imām al-Rāfi‘ī. Ia merupakan huraian (*sharḥ*) ke atas *al-Wajīz* karangan al-Imām al-Ghazālī. *Manāsik al-Nawawī* pula adalah salah satu karangan al-Imām al-Nawawī tentang ibadat haji.²⁷ Penulis percaya bahawa beliau tidak merujuk secara langsung kepada kitab-kitab tersebut tetapi dinyatakan melalui perantaraan rujukan-rujukan yang beliau gunakan dalam penulisan ini.

Selain kitab-kitab fiqh, beliau juga merujuk kepada kitab-kitab *ḥadīth* seperti *Şaḥīḥ al-Bukhārī*, *Şaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Şaḥīḥ Ibn Ḥibbān* dan lain-lain lagi berdasarkan kewujudan sejumlah besar *ḥadīth* dalam kitab beliau ini. Boleh jadi beliau merujuk terus kepada kitab-kitab *ḥadīth* ini ataupun melalui perantaraan kitab-kitab fiqh rujukan beliau itu.²⁸

PENYUSUNAN TOPIK-TOPIK DALAM *AL-ŞĪRĀṬ AL-MUSTAQĪM*

Al-Şīrāt al-Mustaqīm adalah sebuah kitab fiqh yang hanya membicarakan hukum-hakam yang berkaitan dengan bahagian ibadat sahaja. Sedangkan penulisan lengkap dalam sesebuah karya fiqh menurut ulama-ulama dalam mazhab Şāfi‘ī mengandungi empat bahagian yang utama iaitu:

- 1- Bahagian ibadat
- 2- Bahagian muamalat
- 3- Bahagian munakahat
- 4- Bahagian jenayah dan pertikaian (*mukhāṣamat*).

²⁶ Lihat al-Rānīrī (1937), *op. cit.*, h. 291.

²⁷ Lihat al-Saqāf (1940), *op. cit.*, hh. 35 & 43; al-Baghdādī (1955), *op. cit.*, j. 2, h. 525; Ibn al-‘Imād (1991), *op. cit.*, j. 7, h. 620; al-Ziriklī (2002), *op. cit.*, j. 8, h. 149; al-Ḥifnawī (t.t), *op. cit.*, hh. 105 & 116. Persoalan batal wuduk semasa tawaf dihuraikan oleh Anisah Ab. Ghani (2008), “Pandangan Mazhab Fiqh Dalam Kes Batal Wuduk Apabila Bersentuh Antara Lelaki dan Wanita Bukan Mahram Semasa Tawaf: Satu Analisis”, *Jurnal Syariah*, 16 (2), hh. 269-278.

²⁸ Hasil penelitian terhadap lafaz-lafaz *ḥadīth* yang terdapat dalam *Kitāb al-Ṭahārah* dan *Kitāb al-Şalāh*, penulis mendapati bahawa hampir keseluruhannya diveduk terus oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī daripada rujukan-rujukan fiqh yang disebut oleh beliau pada mukadimah kitabnya itu. Ini bermakna beliau tidak merujuk kepada sumber asal *ḥadīth-ḥadīth* tersebut.

Manakala *Bāb al-Farā'id* adalah merupakan bahagian yang tersendiri dan diletakkan antara bahagian muamalat dan munakahat.²⁹

Penulis mengandaikan wujudnya dua faktor yang menyebabkan Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī hanya menumpukan penulisan bahagian fiqh ibadat sahaja dalam *al-Širāṭ al-Mustaqīm*. Pertama, memenuhi keperluan orang ramai mempelajari dan mendalami bahagian tersebut. Ini kerana fiqh ibadat adalah merupakan satu bahagian yang mengandungi persoalan-persoalan asas yang paling penting untuk dihayati dan difahami dalam kehidupan seorang individu muslim. Dengan sebab itulah ia diletakkan pada kedudukan yang pertama berbanding dengan bahagian-bahagian fiqh yang lain. Melakukan ibadat kepada Allah s.w.t pula merupakan tujuan asasi dijadikan manusia ini dan kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat adalah bergantung atas melakukan ibadat dengan cara yang betul menurut ajaran syariat Islam.³⁰

Kedua, boleh jadi beliau mengikuti salah satu metode penulisan fiqh ulama Shāfi'yyah yang hanya menumpukan penulisan bahagian ibadat sahaja. Metode penulisan fiqh dalam bentuk ini dipercayai berasal daripada ulama Shāfi'yyah dari Yaman. Ini kerana kebanyakan penulisan-penulisan fiqh dalam bentuk ini dikarang oleh mereka seperti *al-Muqadimmah al-Haḍramiyyah* karya al-Shaykh 'Abd Allāh b. 'Abd al-Raḥmān b. Abī Bakr Bā Faḍl al-Haḍramī al-Sa'dī al-Madhḥijī (m. 918H), *al-Risālah al-Jāmi'ah Wa al-Tadhkirah al-Nāfi'ah* oleh al-Sayyid Aḥmad b. Zayn al-Ḥabshī (m. 1145H), *Safīnah al-Najāh Fī Mā Yajibu 'Alā al-'Abd Li Mawlāh* oleh al-Shaykh Sālim b. 'Abd Allāh b. Sa'd b. Samīr (m. 1270H), *al-Durrah al-Wiqādah Sharḥ al-Ifādah* oleh al-Shaykh Muḥammad b. 'Abd Allāh Bā Sawdān (m. 1281H) dan *Mawāhib al-Dayyān Sharḥ Fathḥ al-Raḥmān* oleh al-Shaykh Sa'īd b. Muḥammad Bā 'Ashn (m. 1270H).

²⁹ Lihat 'Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān (1988), *Tartīb al-Mawḍū'āt al-Fiqhiyyah Wa Munāsabātuḥu Fī al-Madhāhib al-Arba'ah*, Mekkah: Ma'had al-Buhūth al-'Ilmiyyah Wa Iḥyā' al-Turāth al-Islāmī, Universiti Umm al-Qurā, h. 60; Shams al-Dīn Muḥammad b. Abī 'Abbās Aḥmad b. Ḥamzah Ibn Shihāb al-Dīn al-Ramlī (1993), *Nihāyah al-Muḥtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj*, j. 1. Mekkah: Maktabah Dār al-Bāz, h. 58.

³⁰ Lihat Abū Sulaymān (1988), *op. cit.*, h. 60; al-Ramlī (1993), *op.cit.* j. 1, h. 61; Sulaymān al-Bujayrimī (1995), *Tuḥfah al-Ḥabīb 'Alā Sharḥ al-Khaṭīb*, j. 3. Beirut: Dār al-Fikr, hh. 3 & 357.

Berhubung dengan bahagian ibadat ini, ulama-ulama dalam mazhab Shāfi‘ī memasukkan di bawahnya beberapa kitab yang tertentu, iaitu :

- 1- *Kitāb al-Ṭahārah* (Bersuci)
- 2- *Kitāb al-Ṣalāh* (Solat)
- 3- *Kitāb al-Zakāh* (Zakat)
- 4- *Kitāb al-Ṣiyām* (Puasa)
- 5- *Kitāb al-I‘tikāf* (Iktikaf)
- 6- *Kitāb al-Ḥajj* (Haji).

Manakala *Kitāb al-Ṣayd Wa al-Dhabā‘ih* (Perburuan dan Penyembelihan), *Kitāb al-Uḍḥiyah* (Korban) dan *Kitāb al-Aṭ‘imah* (Makanan), mereka berselisih pendapat dalam menentukan kedudukan kitab-kitab ini dalam bahagian-bahagian utama fiqh. Sebahagian mereka meletakkan kitab-kitab ini selepas *Kitāb al-Ḥudūd* (Bahagian Jenayah dan Pertikaian) kerana mengikuti tatacara al-Imām al-Muzanī.³¹ Manakala sebahagian yang lain pula meletakkannya selepas bahagian ibadat kerana mengikuti perbuatan segolongan ulama-ulama mazhab Shāfi‘ī yang lain.³² Menurut Ibn Qāsim al-Ghazzī, susunan yang dilakukan oleh golongan yang kedua ini adalah lebih sesuai kerana mencari sesuatu yang halal itu merupakan kewajipan ke atas setiap individu (*farḍ ‘ayn*).³³ Justeru amat sesuaialah kitab-kitab ini diletakkan selepas bahagian ibadat yang juga merupakan amalan yang berkaitan dengan perbuatan setiap individu Muslim.³⁴

Berasaskan kepada perkara ini, didapati bahawa Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī mengikuti pendekatan golongan yang kedua apabila beliau memasukkan kitab-kitab berikut dalam *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm*: *Kitāb al-Ṭahārah* (Bersuci); *Kitāb al-Ṣalāh* (Solat); *Kitāb al-Zakāh* (Zakat); *Kitāb al-Ṣiyām* (Puasa); *Kitāb*

³¹ Contohnya *Matn al-Ghāyah Wa al-Taqrīb* oleh Abū Shujā‘ al-Aṣfahānī, *al-Lubāb Fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī* oleh al-Imām al-Maḥāmīlī dan *Minhāj al-Ṭālibīn Wa ‘Umdah al-Muftīn* oleh al-Imām al-Nawāwī.

³² Contohnya *al-Muhadhdhab* oleh al-Imām al-Shirāzī, *Rawḍah al-Ṭālibīn Wa ‘Umdah al-Muftīn* oleh al-Imām al-Nawāwī dan *‘Umdah al-Sālik Wa ‘Uddah al-Nāsik* oleh Ibn al-Naqīb.

³³ Lihat Abū Sulaymān (1988), *op. cit.*, h. 67; Shams al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharbīnī (1994), *al-Iqnā‘ Fī Ḥall Alfāz Abī Shujā‘*, j. 2. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 54.

³⁴ Lihat al-Dimyāṭī (1993), *op. cit.*, j. 2, h. 388.

al-I'tikāf (Iktikaf)³⁵; *Kitāb al-Ḥajj* (Haji); *Kitāb al-Uḍḥiyah* (Korban)³⁶; *Kitāb al-Ṣayd Wa al-Dhabā'ih* (Perburuan dan Penyembelihan) dan *Kitāb al-Aṭimah* (Makanan).³⁷

Penyusunan setiap tajuk dalam kitab beliau ini pula adalah mengikuti pendekatan yang dilakukan dalam karangan-karangan fiqh berbahasa Arab dengan membahagikan tajuk-tajuk tersebut di bawah kitab, bab, *faṣl* dan *mas'alah*. Contohnya, di bawah *Kitāb al-Ṭahārah* terdapat beberapa bab iaitu *Bāb al-Wuḍū'*, *Bāb Mā Yūjib al-Ghusl*, *Bāb al-Tayammum* dan *Bāb al-Ḥayḍ Wa al-Istihādah Wa al-Nifās*. Di bawah bab-bab tersebut terdapat beberapa *faṣl*. Di bawah *faṣl-faṣl* itu pula terdapat beberapa *mas'alah*. Beliau juga memulakan sesuatu topik yang lebih kecil (*far'*) dengan kata-kata “Syahadan”, “Sebermula”, “Bermula”, “Adapun”, dan “Dan Demikian lagi”. Kadang-kadang beliau meletak sesuatu topik itu di bawah tajuk “*Fā'idah*” dan “*Tanbīh*”.

TEKNIK PENULISAN DALAM *AL-ṢIRĀṬ AL-MUSTAQĪM*

Penulisan *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm* adalah berdasarkan kepada rujukan-rujukan fiqh ulama-ulama mazhab Shāfi'ī yang hidup dalam era taklid. Secara umumnya, penulisan-penulisan fiqh dalam era tersebut terpengaruh dengan unsur-unsur taksuf mazhab. Dalam penulisan-penulisan tersebut didapati kurang dikemukakan dalil-dalil daripada *al-Qur'ān*, *al-Ḥadīth*, *al-Ijmā'*, *al-Qiyās* dan dalil-dalil lain bagi membincangkan sesuatu permasalahan.³⁸ Malahan penulisan-penulisan tersebut dipenuhi dengan pendapat-pendapat ulama dalam mazhab sahaja dan dilakukan perbincangan dengan membandingkan pendapat-pendapat tersebut seterusnya dipilih pendapat yang kuat (*tarjih*).³⁹

³⁵ Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī tidak menggunakan lafaz *Kitāb al-I'tikāf* dalam kitabnya ini tetapi menggunakan lafaz “*Bāb al-I'tikāf*”.

³⁶ Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī tidak menggunakan lafaz *Kitāb al-Uḍḥiyah* dalam kitabnya ini tetapi “*Bāb al-Uḍḥiyah*”.

³⁷ Lihat al-Rānīrī (1937), *op.cit*, hh. 343-346.

³⁸ Lihat juga Abdullah Alwi Haji Hassan (2007), “Ijtihad dan Perannya Dalam Pengharmonian Pengalaman Undang-Undang Syariah Di Dunia Masa Kini”. *Jurnal Syariah*, 15 (2), h. 2.

³⁹ Lihat juga Noor Naemah Abd. Rahman dan Mohd Nor Hashri Junoh (2003), “Pendekatan Ijtihad Tarjih Dalam Amalan Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan: Rujukan Kepada Fatwa-fatwa 1990-an”, *Jurnal Syariah*, 11 (2), hh. 29-31.

Ia dilakukan seperti ilmu fiqh perbandingan tetapi dalam skop lingkungan mazhab Şāfi‘ī sahaja.⁴⁰ Penulisan *al-Şīrāt al-Mustaqīm* oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī ini tidak dapat lari daripada terkena tempias tersebut.

Di bawah subtopik ini, penulis akan menghuraikan metodologi penulisan beliau dalam *al-Şīrāt al-Mustaqīm* ini dalam aspek-aspek yang berikut :

Metode Penggunaan Dalil

1. Metode pendalilan berdasarkan *al-Qur‘ān*

Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī banyak mengemukakan ayat-ayat *al-Qur‘ān* bersama dengan terjemahannya dalam penulisan kitab beliau ini. Tetapi beliau tidak menyatakan nama surah dengan nombor ayat. Ketika mengemukakan ayat-ayat *al-Qur‘ān*, beliau tidak menyalin secara lengkap ayat tersebut tetapi hanya mengfokuskan kepada bahagian ayat yang berkaitan dengan permasalahan yang dibincangkan.

Antara tempat yang beliau mengemukakan ayat-ayat *al-Qur‘ān* adalah pada permulaan sesuatu kitab. Ayat-ayat yang dikemukakan di sini berbentuk ayat-ayat asas kepada kitab tersebut. Sebagai contohnya, pada permulaan *Kitāb al-Taḥārah* beliau berkata :

*Ini kitab pada menyatakan taharah. Qal Allah Ta‘ala: وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً طَهُورًا. Firman Allah Ta‘ala : “Kami turunkan air dāri langit yang suci lagi menyucikan”.*⁴¹

Selain mengemukakan ayat-ayat *al-Qur‘ān* yang dikira sebagai dalil asas kepada sesuatu kitab, beliau juga mengemukakan dalil-dalil *al-Qur‘ān* yang lebih khusus apabila membincangkan sesuatu permasalahan. Lihat contoh berikut :

.....maka batallah wuduk yang menyentuh dan yang disentuh. Tetapi tiada batal wuduk mayyit, kama qala Allah Ta‘ala”:

وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا

⁴⁰ Apa yang berlaku sekarang adakah agak terbuka. Lihat artikel Noor Naemah Abd. Rahman (2002), “Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa”, *Jurnal Syariah*, 10 (2), hh. 19-30.

⁴¹ Lihat al-Rānīrī (1937), *op. cit.*, h. 5.

Seperti firman Allah Ta'ala : "Jikalau ada kamu junub maka hendaklah kamu bersuci. Dan jika ada kamu sakit, atau pergi-pergian, atau datang seorang kamu daripada qada' hajat, atau kamu sentuh akan perempuan, jika tiada kamu peroleh air, maka hendaklah kamu tayammum".⁴²

Beliau juga ada mengemukakan sebab penurunan sesuatu ayat sebagaimana yang dapat dilihat seperti berikut :

[Fasl] Pada menyatakan haid. Bermula haid itu pada istilah lughah yaitu suatu yang mengalir. Dan pada istilah syarak yaitu darah perangai perempuan. Dan tempat keluaranya daripada kesudahan rahim pada ketika sihat badan. Dan istihadah itu yaitu darah penyakit. Tempat keluaranya daripada hujung urat yang hampir rahim. Dan nifas itu yaitu darah yang keluar kemudian daripada beranak. Kata Ibn 'Abbas (r.a): "Ada seorang sahabat Nabi salla Allah 'alayh wa sallam bernama Dakhlaj (r.a) berdatang sembah : Ya Rasul Allah! Betapa kami perbuat pada perempuan apabila ia haid : haruskah setubuh dengan dia atau tiada? Tatkala itu maka turun ayat ini :

(وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَىٰ فَاعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهَرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ)

Ditanya mereka itu akan dikau ya Muhammad daripada setubuh dengan perempuan yang haid. Katakan olehmu ya Muhammad, yaitu darah yang cemar dan najis. Maka jangan kamu setubuh dengan dia pada ketika haid. Maka apabila sudah ia mandi daripada haid, maka setubuhlah kamu pada tempat yang haruskan Allah Ta'ala."⁴³

2. Metode pendalilan berdasarkan *al-Ḥadīth*

Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī juga mengemukakan lafaz-lafaz *ḥadīth* bersama dengan terjemahannya dalam penulisan kitab beliau ini. Dalam kebanyakan *ḥadīth-ḥadīth* yang dikemukakan, didapati beliau turut menyebut nama-nama ulama-ulama *ḥadīth* yang mengeluarkan (*takhrīj*) *ḥadīth-ḥadīth* tersebut. Lihat contoh berikut :

⁴² *Ibid*, h. 43.

⁴³ *Ibid*, h. 59.

(Keenam) *Fardu wuduk itu tertib. Yaitu periringan, seperti sabda Nabi salla Allah ‘alayh wa sallam (ابدؤا بما بدأ الله به) Mulai oleh kamu dengan barang yang dimulakan Allah akan dia seperti firmanNya pada ayat yang tersebut itu. Riwayah Muslim.*⁴⁴

Dalam keadaan tertentu, beliau turut menyatakan *ḥadīth-ḥadīth* dengan tidak dinyatakan nama ulama yang mengeluarkannya. Lihat contoh berikut :

*Maka diulanginya pula talqinnya itu seperti sabda Nabi salla Allah ‘alayh wa sallam: (من كان آخر كلامه لا إله إلا الله دخل الجنة) Yakni: Barang siapa ada kesudahannya perkataan La Ilah Illa Allah maka masuklah ia ke dalam syurga.*⁴⁵

Selain mengemukakan lafaz-lafaz *ḥadīth-ḥadīth* dengan terjemahannya, didapati beliau juga ada mengemukakan *ḥadīth* dengan maknanya sahaja tanpa mengemukakan lafaznya yang asal dalam Bahasa Arab, juga dinyatakan bersama nama ulama yang mengeluarkan *ḥadīth* tersebut. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut :

*Maka tiadalah haram salah satu daripada waktu yang tersebut itu pada lima waktu itu jika tiada sahaja mengqasaskan sembahyang pada waktu itu, maka sahlah sembahyangnya seperti ada pada Nabi salla Allah ‘alayh wa sallam qada' dua rakaat sunat Zohor yang kemudian maka diqada' Nabi salla Allah ‘alayh wa sallam kemudian daripada sembahyang ‘Asar. Riwayah Bukhari dan Muslim.*⁴⁶

Kadang-kadang beliau menyebut sesuatu *ḥadīth* dengan maknanya sahaja tanpa dinyatakan bersama ulama yang mengeluarkan *ḥadīth* tersebut sebagaimana yang dapat dilihat dalam contoh berikut :

*(Bermula) Wajib bersugi tatkala makan barang suatu yang najis. Dan makruh bersugi bagi orang yang puasa kemudian daripada gelincir matahari karena busuk bau mulut orang yang puasa itu terlebih baik kepada Allah Ta‘ala daripada bau kasturi.*⁴⁷

Dalam keadaan tertentu, ketika membicarakan sesuatu permasalahan beliau merujuk kepada sesuatu *ḥadīth* tetapi beliau tidak mengemukakan lafaz *ḥadīth* tersebut. Sebagai contohnya :

⁴⁴ *Ibid*, h. 35.

⁴⁵ *Ibid*, h. 169.

⁴⁶ *Ibid*, h. 68.

⁴⁷ *Ibid*, h. 28.

*(Bermula) sunat muakkad memberi sedekah karena adalah tersebut yang dalam segala hadith yang sahih lagi mashhur pahalanya itu amat banyak.*⁴⁸

Kadang-kala beliau turut membawakan huraian terhadap sesuatu *hadīth*. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut :

Dan puasa hari 'Arafah yaitu sembilan hari bulan Dhu al-Hijjah seperti sabda Nabi salla Allah 'alayh wa sallam

(صيام يوم عرفة أحسب على الله أن يكفر السنة التي قبله والسنة التي بعده)

*Riwayat Muslim, yakni puasa pada hari 'Arafah dihisab atas Allah Ta'ala bahawa diampun Allah dosanya setahun yang dahulu dan setahun yang kemudiannya. Kata Imam Nawawi bahawa murad daripada dosa yang tersebut dalam hadith itu dosa saghir lain daripada haqq manusia.*⁴⁹

Selain daripada itu, kadang-kalanya beliau turut menyatakan hukum yang dapat dikutip daripada sesuatu *hadīth*. Lihat contoh berikut :

Seperti sabda Nabi salla Allah 'alayh wa sallam

(إذا وقع الذباب في شراب فليغمسه قبل أن يطرحه ثم يطرحه فإن في أحد جناحيه داء وفي الآخر شفاء وأنه يتقى بجناحه الذي فيه الداء) رواه البخاري وأبو داود

*Yakni: Apabila jatuh lalat pada minuman seorang daripada kamu maka hendaklah diselamkannya akan lalat itu dahulu daripada mengeluarkan dia. Kemudian maka dikeluarkannya. Maka bahawasanya pada salah satu daripada kedua sayapnya itu racun dan yang sebelah sayapnya itu penawar. Dan adalah lalat itu bahawasanya menyelamkan sayapnya yang racun itu. (Maka) tiada daripada sabda Nabi Allah pada menyelamkan lalat itu menyampaikan kepada matinya. Jikalau mati sekalipun tiada mengapa.*⁵⁰

Kebanyakan *hadīth-hadīth* yang dikemukakan oleh beliau dalam penulisannya ini amat jarang sekali diberi hukum. Tetapi dalam keadaan tertentu, beliau turut memberi hukum terhadap darjat sesuatu *hadīth*. Ini dapat dilihat sebagaimana dalam contoh berikut :

⁴⁸ *Ibid*, h. 213.

⁴⁹ *Ibid*, h. 246.

⁵⁰ *Ibid*, h. 12.

Dan sabda Nabi salla Allah ‘alayh wa sallam

(تنزهوا عن البول فإن عامة عذاب القبر منه)

Yakni: Bersucilah kamu daripada kemih. Maka bahawasanya kebanyakan manusia kena azab kubur itu sebab tiada suci daripada kemih. Hadith ini sahih.⁵¹

3. Metode pendalilan berdasarkan *al-Ijma‘*

Selain mengemukakan dalil-dalil daripada *al-Qur‘ān* dan *ḥadīth* dalam penulisannya ini, Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī juga tidak dapat lari daripada mengemukakan dalil daripada sumber *al-Ijmā‘*. Pelbagai bentuk olahan yang digunakan oleh beliau untuk menggambarkan penggunaan dalil *al-Ijmā‘* dalam kitabnya ini. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut :

[Fasl] Pada menyatakan bang. Yaitu pada lughah memberi tahu. Dan pada istilah yaitu beberapa patah kata yang tertentu dan ketahu dengan dia waktu sembahyang. (Adapun) berhimpunlah segala ulama bahawa bang itu daripada pekerjaan agama jua. Tetapi ikhtilaf mereka itu sunatkah ia atau fardu kifayah.⁵²

Selain daripada *ijmā‘* ulama secara umumnya yang dinyatakan di atas, beliau juga ada mengemukakan *ijmā‘* imam-imam mazhab empat. Lihat contoh berikut :

(Tetapi) tiada sah mengikut bid‘ah yang jadi kafir seperti mengi‘tiqadkan bahawa Allah Ta‘ala itu tiada mengetahui akan juz‘iyyat dan ma‘dum dan yang munkir akan ba‘th dan hashr dan demikian lagi qawm Mujassimah dan yang mengi‘tiqadkan bahawa Allah Ta‘ala berjihad dan qawm Wujudiyah yang mulhid seperti i‘tiqad Hamzah Fansuri dan Shams al-Din Sumaterani. Maka tiadalah sah mengikut segala itu, demikianlah kata imam yang empat.⁵³

Beliau juga ada mengemukakan *ijmā‘* yang berlaku dalam mazhab Shāfi‘ī sahaja sebagaimana berikut :

⁵¹ *Ibid*, h. 76.

⁵² *Ibid*, h. 71. Lihat juga Sa‘di Abu Jayb (1984), *Mawsū‘ah al-Ijmā‘ Fī al-Fiqh al-Islāmī*, j.1. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 81 .

⁵³ Lihat al-Rānīrī (1937), *op. cit.*, h. 134.

Mas'alah : Jikalau seseorang tertumpat⁵⁴ jalan 'adatnya, yaitu zakar, atau faraj, maka keluar maninya itu daripada tempat asalnya, yaitu sulb atau tara'ib, tetapi dengan syarat jika mani itu qawiyy, yaitu dengan tiada penyakit, maka wajib mandi. Dan jikalau mani itu tiada qawiyy, yaitu yang keluar karena penyakit, maka tiadalah wajib mandi dengan ittifaq segala ulama.⁵⁵

Walaupun beliau menggunakan lafaz “dengan ittifaq segala ulama”, akan tetapi selepas merujuk kepada beberapa sumber, didapati bahawa persepakatan ini hanya berlaku dalam lingkungan mazhab Shāfi‘ī sahaja.⁵⁶

4. Metode pendalilan berdasarkan *al-Qiyās*

Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī juga mengemukakan dalil daripada sumber *al-Qiyās* dalam penulisannya ini. Pelbagai bentuk olahan yang digunakan oleh beliau untuk menggambarkan penggunaan dalil *al-Qiyās* ketika membincangkan sesuatu masalah. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut :

Dan lagi menyabitkan takbir pada malam hari raya besar itu diqiyaskan atas hari raya puasa jua.⁵⁷

5. Metode pendalilan berdasarkan Kaedah Fiqh (*al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*)

Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī juga ada menggunakan beberapa kaedah fiqh ketika membicarakan sesuatu permasalahan untuk mengukuhkan sesuatu hujjah. Walau bagaimanapun penggunaan metode ini tidak begitu meluas dalam penulisan beliau ini dan kadang-kalanya kaedah-kaedah tersebut tidak pula dinyatakan dengan jelas tetapi dapat difahami melalui olahan beliau. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut :

⁵⁴ Tertumpat: tertutup; tersumbat. Lihat William Marsden (1812), *Dictionary Of The Malayan Language*, London : Cox and Baylis, h. 83.

⁵⁵ Lihat al-Rānīrī (1937), *op. cit.*, h. 48.

⁵⁶ Lihat *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*, j. 6. Kuwait: Wizārah al-Awqāf Wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1986, h.333; Shams al-Din Muḥammad b. Muḥammad al-Khatib al-Sharbini (1994), *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma'rifah Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*, j.1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 213.

⁵⁷ Lihat al-Raniri (1937), *op. cit.*, h. 155.

Dan demikian lagi jikalau seorang mengerjakan sembahyang lima waktu dengan ijtihad kepada pihak lima maka sahlah sembahyangnya itu lagi tiadalah diqadanya sembahyang yang dikerjakannya itu dengan ijtihad yang dahulu itu karena ijtihad yang dahulu itu karena ijtihad yang kemudian itu tiada membatalkan ijtihad yang dahulu.⁵⁸

Metode Dalam Mengemukakan Pandangan Fiqh

Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī menyatakan pada mukadimah kitabnya ini, bahawa penulisan beliau ini adalah berbentuk terjemahan⁵⁹ daripada kitab-kitab fiqh karangan ulama-ulama dalam mazhab Shāfi‘ī (*al-Shāfi‘īyyah*) yang dalam Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu. Beliau turut menyatakan bahawa penulisan kitab ini adalah berdasarkan kepada mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī (r.a)⁶⁰. Namun begitu, dengan melihat kepada rujukan-rujukan yang beliau gunakan, didapati bahawa kandungan kitab beliau ini lebih kepada memaparkan pandangan-pandangan ulama-ulama fiqh dalam mazhab Shāfi‘ī (*al-Shāfi‘īyyah*) yang terkemudian selepas kematian al-Imām al-Shāfi‘ī (r.a) (m. 204H).

Perkara ini perlu dilihat dengan lebih terperinci kerana penulisan-penulisan tentang sejarah perkembangan mazhab al-Shāfi‘ī membezakan antara mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī (r.a) dan mazhab al-Shāfi‘īyyah (*al-Madhhab al-Shāfi‘ī*). Istilah mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī (r.a) adalah merujuk kepada himpunan pemikiran-pemikiran fiqh hasil daripada ijtihad-ijtihad yang dilakukan beliau dalam masalah *usūl* dan *furu‘* yang dapat dilihat dalam karangan-karangannya seperti *al-Umm* dan *al-Risālah*. Manakala istilah mazhab al-Shāfi‘īyyah (*al-Madhhab al-Shāfi‘ī*) pula merujuk kepada usaha-usaha akademik dalam bidang *al-Fiqh* dan *Uṣūl al-Fiqh* yang dilakukan oleh sekumpulan ulama yang mengikuti metodologi al-Imām al-Shāfi‘ī (r.a) dalam melakukan *istinbāt*.

Dalam mereka tetap berpegang dengan ijtihad-ijtihad beliau, mereka turut mengemukakan pandangan-pandangan lain berdasarkan ijtihad mereka sendiri di samping pandangan-pandangan lain yang mereka dapat keluarkan (*takhrījāt*) melalui pemerhatian secara halus melalui kata-kata al-Imām al-Shāfi‘ī (r.a) sendiri. Kadang-kadang mereka turut melakukan penjelasan (*istidrākāt*) terhadap pandangan-pandangan al-Imām al-Shāfi‘ī (r.a) yang kurang jelas. Kadang-kadang apa yang dikatakan sesuatu masalah itu merupakan pandangan

⁵⁸ *Ibid*, h. 82.

⁵⁹ *Ibid*, h. 3.

⁶⁰ *Ibid*, h. 3.

dalam mazhab al-Shāfi‘ī itu tidak semestinya ia merupakan pandangan yang dikeluarkan sendiri oleh al-Imām al-Shāfi‘ī (r.a).⁶¹

Perkara yang dinyatakan di atas ini dilihat semakin ketara apabila Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī menekankan bahawa beliau hanya memilih dalam penulisannya ini pendapat yang kuat (*ṣahīh*) yang selari dengan pendapat al-Imām al-Nawawī dalam kitab beliau *Minhāj al-Ṭālibīn* dengan mengeneipkan pendapat yang *ḍa‘īf*.⁶² Tindakan beliau ini adalah tepat memandangkan *Minhāj al-Ṭālibīn* merupakan kitab yang sering digunapakai untuk merujuk pendapat-pendapat yang muktamad dalam mazhab Shāfi‘ī.

Walaupun Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī mengatakan tulisan beliau ini berdasarkan terjemahan daripada rujukan-rujukan beliau itu, kadang-kalanya beliau turut memetik kenyataan asal daripada kitab rujukan beliau seterusnya menterjemahkannya. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut :

Kata Shaykh Ibn Ḥajar raḥimah Allāh dalam kitab Faṭḥ al-Jawwād Sharḥ Irshād:

(وحيث دعا لدفع بلاء وقع جعل ظهر كفيه إى السماء أو لتحصيل شئ كرفعه عنه في بقية عمره عكس ويكره للخطيب)

*Yakni: Tatkala membaca doa akan menolakkan suatu bala yang hadir, maka dijadikannya belakang kedua tapak tangannya ke langit, atau kerana menghasilkan sesuatu seperti menolakkan bala daripadanya selama umurnya maka ditadakkannya kedua tapak tangannya ke langit, dan makruh bagi khatib.*⁶³

Kadang-kadang beliau turut menyandarkan sesuatu pandangan itu kepada tokoh-tokoh ulama-ulama fiqh dalam mazhab Shāfi‘ī (*al-Shāfi‘īyyah*) untuk mengukuhkan pandangan tersebut. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

*(Syahadan), adalah niat itu tiga bahagi: pertama: basīṭah yaitu seperti yang tersebut itu, kedua: ‘urfiyah yaitu sekira-kira dapat ia mengingatkan sembahyang, maka kafālah niat itu pada segala ‘awwām. Demikianlah kata Imām Nawawī dan Shaykh Ibn Rif‘ah dan Tāj al-Subkī mengikut Imām al-Ghazālī dan ustaznya Imām al-Ḥaramayn.*⁶⁴

⁶¹ Lihat ‘Umar Sulayman al-Ashqar (1996), *al-Madkhal Ilā Dirāsah al-Madāris Wa al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*, Jordan: Dar al-Nafā‘is, h. 48; al-Qawāsīmī (2003), *op.cit.*, h. 303.

⁶² Lihat Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī (1937), *op. cit.*, h. 4.

⁶³ *Ibid.* h. 143.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 83.

Dalam keadaan yang lain pula, beliau hanya menyandarkan sesuatu pandangan itu kepada ulama-ulama fiqh tanpa menyebut nama mereka untuk mengukuhkan pandangan tersebut. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

*Kata kebanyakan ulama bahawa adalah pada Zohor itu tiga waktu.*⁶⁵

Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī juga turut memaparkan dalam kitabnya ini perselisihan pendapat yang berlaku dalam lingkungan mazhab Shāfi'ī. Dalam perkara ini, beliau menyebut nama-nama ulama yang berselisih pendapat pada sesuatu masalah itu. Kadang-kadang beliau hanya menyatakan perselisihan yang berlaku tanpa menyebut nama mereka. Dalam keadaan yang lain pula beliau hanya menyandarkan pandangan-pandangan tersebut kepada nama kitab. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

*Dan sunat membaca pada sembahyang Subuh itu surah (Ṭiwāl al-Mufaṣṣal) yaitu daripada surah Hujurah datang kepada surah 'Amma dan sunat pada sembahyang Zohor tersingkat sedikit daripada subuh dan pada sembahyang 'Asar dan Isha' awsāt yaitu daripada surah 'Amma datang kepada Wa al-Ḍuḥā dan pada sembahyang Maghrib (Qīṣār al-Mufaṣṣal) yaitu daripada Wa al-Ḍuḥā datang kepada akhir Qur'ān demikianlah kata Shaykh Ibn Ḥajar (adapun) Ibn Rif'ah dan lainnya (Ṭiwāl al-Mufaṣṣal) itu seperti surah Qāf dan Wa al-Mursalāt dan awsāṭnya itu seperti surah Jumu'ah (Qīṣār al-Mufaṣṣal) itu seperti surah al-Ikhlās.*⁶⁶

Selain memaparkan dalam kitabnya ini perselisihan pendapat ulama-ulama dalam mazhab pada sesuatu masalah, beliau juga turut mengemukakan pandangan-pandangan luar daripada lingkungan mazhab dengan menyatakan nama tokoh-tokoh ulama luar daripada mazhab Shāfi'ī di kalangan ulama sahabat atau ulama mazhab empat. Tetapi kadang-kalanya beliau tidak menyebut nama tokoh-tokoh tersebut. Ini dapat dilihat sebagaimana contoh yang berikut:

*Dan meninggalkan barang yang sunat yang ikhtilāf ulama pada wajibnya seperti mandi hari Jumaat dan mendahulukan kiri daripada kanan. Dan pada Imām Mālik wajib mandi pada hari Jumaat itu.*⁶⁷

Dalam keadaan yang tertentu, selain memaparkan perselisihan pendapat yang berlaku antara ulama-ulama dalam mazhab dan luarnya pada sesuatu

⁶⁵ *Ibid*, h. 63.

⁶⁶ *Ibid*, h. 96.

⁶⁷ *Ibid*, h. 40.

masalah, beliau turut mengemukakan pandangan yang terpilih daripada perselisihan yang berlaku itu. Ini dapat dilihat sebagaimana contoh yang berikut:

Adalah ikhtilāf segala ulama pada mengatakan akan bahawa naik haji itu fardu pada segala ummah nabi yang dahulu-dahulukah? atau pada ummah nabi kita? Dan adalah dalamnya dua qawl. Dan pada qawl yang asahh, bahawa naik haji itu fardu atas ummah nabi kita Muhammad salla Allah 'alayh wa sallam jua, tiada pada segala ummah yang dahulu.⁶⁸

Kadang-kadang ketika mengutarakan sesuatu permasalahan, beliau turut mengemukakan bentuk perbincangan dengan menyanggah sesuatu pendapat. Lihat contoh berikut:

Dan harus puasa bulan Ramadan itu kurang sehari daripada tiga puluh hari dengan ijma' melainkan qawm Shī'ah yaitu Rāfiḍī jua. Tiada harus akan mereka itu kurang sehari. Maka betapa⁶⁹ tiada diharuskan mereka itu yang demikian karena bahawasanya adalah Nabi salla Allah 'alayh wa sallam tiada puasa genap tiga puluh hari bulan Ramadan melainkan sebulan jua, dan yang lain itu kurang sehari.⁷⁰

Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīri mengatakan bahawa *al-Ṣirāṭ al-Mustaḳīm* ini merupakan terjemahan daripada rujukan-rujukan fiqh berbahasa Arab. Namun, sebagai seorang tokoh ulama besar, beliau turut mengemukakan pendapat sendiri berdasarkan isu-isu fiqh yang berlaku pada zaman beliau itu. Beliau menyebut pandangan-pandangannya itu secara tidak langsung ketika membicarakan sesuatu isu. Kadang-kadang beliau menyatakan pandangannya itu secara jelas dengan menggunakan istilah "*mu'allif*". Perkara ini dapat dilihat seperti pada contoh berikut:

(Kata) mu'allif 'afa Allah 'anhu : bahawa pada segala negeri yang di bawah angin⁷¹ mengorbankan kerbau itu terafdal daripada lembu.⁷²

⁶⁸ *Ibid*, h. 255.

⁶⁹ Perkataan ini lebih tepat berdasarkan *al-Ṣirāṭ al-Mustaḳīm* cetakan Pustaka Nasional, j.2, h.91. Manakala pada naskhah cetakan *Mustafa al-Bābi al-Halabī Wa Awladihī* ditulis dengan : "tetapi".

⁷⁰ Lihat al-Rānīri (1937), *op. cit.*, h. 217.

⁷¹ Negeri di bawah angin: negeri-negeri di Kepulauan Melayu. Lihat Lihat R. J. Wilkinson (1985), *Manuskrip Klasik Kamus Jawi Melayu Inggeris (A Classic Jawi Malay-English Dictionary)*, Melaka: Penerbit Baharudinjoha, h. 24. *Kamus Dewan (1992)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 106.

⁷² Lihat al-Raniri (1937), *op. cit.*, h. 315.

Hasil penelitian terhadap beberapa permasalahan fiqh, didapati beliau juga telah melakukan terjemahan dengan menggunakan rujukan-rujukan fiqh berbahasa Arab, seterusnya beliau mengolahnya mengikut situasi tempatan. Lihat contoh berikut:

Demikian lagi, halal memakai daripada perak diperbuat akan halkah⁷³, atau rantai pekapuran⁷⁴ tembaga, atau akan kepalanya⁷⁵, dan barang sebagainya, jika sedikit, maka harus.⁷⁶

Perkataan “pekapuran” adalah olahan daripada perkataan “الإناء” dalam teks berikut:

(وتحل حلقة الإناء ورأسه وسلسلته ولو من فضة.....)⁷⁷

Penulisan *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm* ini turut terkena tempias taksub mazhab yang berlaku di kalangan ulama-ulama mazhab pada zaman taqlid. Dalam kitab karangan Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī ini terdapat beberapa tempat yang memaparkan unsur ini. Lihat contoh berikut:

Dan terafdal berjamaah pada segala laki-laki dalam masjid barang di mana masjid yang banyak orang yang berhimpun dalamnya, melainkan apabila imamnya itu orang yang bid'ah, atau Qadariyyah, atau Jabariyyah, atau Wujūdiyyah, atau Mujasimmah, atau Rāfiḍī, atau fāsiq, atau Ḥanafī.⁷⁸

Untuk melengkapkan perbincangan tentang permasalahan-permasalahan fiqh dalam kitab beliau ini, Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī juga turut menerangkan

⁷³ Halkah: gelang (kaki); gelang-gelang (pintu dan lain-lain). Lihat Wahyunah Hj. Abd. Gani (1991), *Panduan Kosa Kata Sastera Klasik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 88; *Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003)*, Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, h. 881.

⁷⁴ Pekapuran : bekas yang dibuat daripada logam sebagai tempat mengisi kapur untuk disapu atas daun sirih. Lihat William Marsden (1812), *op. cit.*, h. 249; *Kamus Dewan (2007)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 675.

⁷⁵ Kepalanya : penutupnya.

⁷⁶ Lihat al-Rānīrī (1937), *op. cit.*, h. 17.

⁷⁷ Lihat Ahmad b. Hajar al-Haytami (1987), *al-Minhāj al-Qawim Sharh al-Muqadimmah al-Hadramiyyah Fi al-Fiqh al-Shāfi'ī*, Damshik: Dar al-Fayha', h. 30.

⁷⁸ Lihat al-Rānīrī (1937), *op. cit.*, h. 126.

beberapa istilah dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh*⁷⁹ untuk memantapkan pemahaman pembaca terhadap penulisan beliau ini. Perkara ini dapat dilihat sebagaimana dalam contoh berikut:

[Fasl] pada menyatakan segala sunat wuduk adapun racana daripada sunat dan tatawwu' dan mandūb dan nafl dan hasan dan muraghghab fih sekalian itu jikalau membawa dia beroleh pahala daripada Allah Ta'ala dan jika meninggalkan dia tiada dikena siksa.⁸⁰

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap metodologi penulisan Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī dalam *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm*, penulis dapat membuat beberapa kesimpulan antaranya :

- 1- *Al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm* karangan Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī merupakan kitab fiqh berbahasa Melayu yang pertama sekali dikarang di Nusantara. Penulisan kitab fiqh ini hanya membicarakan tentang fiqh ibadat sahaja.
- 2- Rujukan-rujukan yang digunakan oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī untuk mengarang kitab *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm* adalah kitab-kitab fiqh dalam bahasa Arab yang berautoriti dalam mazhab Shāfi'ī. Kitab-kitab tersebut sering digunapakai oleh pengikut-pengikut mazhab Shāfi'ī untuk merujuk pendapat-pendapat yang muktamad.
- 3- Terdapatnya dua faktor yang menyebabkan penulisan kitab ini hanya menumpukan penulisan bahagian fiqh ibadat sahaja : i. memenuhi keperluan orang ramai mempelajari dan mendalami bahagian tersebut, ii. boleh jadi penulis mengikuti salah satu metodologi penulisan fiqh ulama Shāfi'īyyah yang hanya menumpukan penulisan bahagian ibadat sahaja. Namun, faktor pertama dilihat lebih menonjol disebabkan oleh masyarakat di Nusantara baru menerima Islam dan mereka memerlukan satu panduan untuk memahami asas-asas ibadat dalam Islam.
- 4- Terdapat dua pendekatan ulama Shāfi'īyyah dalam menentukan kedudukan *Kitāb al-Ṣayd Wa al-Dhabā'ih* (Perburuan dan Penyembelihan), *Kitāb al-Uḍḥiyah* (Korban) dan *Kitāb al-Aṭ'imah*

⁷⁹ Lihat Noor Naemah Abdul Rahman dan Abdul Karim Ali (2006), "Pengajaran Kursus Usul al-Fiqh Peringkat Ijazah Dasar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Pengalaman dan Penilaian", *Jurnal Syariah*, 14 (1), h. 142.

⁸⁰ *Ibid*, h. 36.

(Makanan) dalam bahagian-bahagian utama fiqh. Sebahagian mereka meletakkan *kitāb-kitāb* ini selepas *Kitāb al-Ḥudūd* (Bahagian Jenayah dan Pertikaian). Manakala sebahagian yang lain pula meletakkannya selepas bahagian ibadat. Penyusunan topik-topik dalam *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm* mengikuti pendekatan golongan yang kedua.

- 5- Penulisan *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm* tidak dapat lari daripada dipengaruhi oleh gaya penulisan ulama-ulama mazhab Shāfi‘ī yang hidup dalam era taklid yang mengandungi unsur-unsur taksub mazhab, kurang dikemukakan dalil-dalil daripada *al-Qur‘ān*, *al-Ḥadīth*, *al-Ijmā‘*, *al-Qiyās* dan dipenuhi dengan pendapat-pendapat ulama dalam mazhab sahaja.
- 6- Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī merupakan seorang ahli fiqh yang mampu berijtihad dalam beberapa masalah fiqh. Ini menunjukkan bahawa beliau tidaklah semata-mata melakukan terjemahan daripada kitab-kitab fiqh ulama al-Shāfi‘īyyah yang dalam Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah Alwi Haji Hassan (2007), “Ijtihad dan Peranannya dalam Pengharmonian Pengalaman Undang-Undang Syariah di Dunia Masa Kini”, *Jurnal Syariah*, 15 (2), 1-24.
- Abū Jayb, Sa‘dī (1984), *Mawsū‘ah al-Ijmā‘ Fī al-Fiqh al-Islāmī*, Damsyik: Dār al-Fikr.
- Abū Sulaymān, ‘Abd al-Wahhāb Ibrāhīm (1986), *Kitābah al-Baḥth al-‘Ilmī Wa Maṣādir al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, Jeddah: Dār al-Shurūq.
- Abū Sulaymān, ‘Abd al-Wahhāb Ibrāhīm (1988), *Tartīb al-Mawḍū‘āt al-Fiqhiyyah Wa Munāsabātuhu Fī al-Madhāhib al-Arba‘ah*, Makkah: Ma‘had al-Buhūth al-‘Ilmiyyah Wa Iḥyā’ al-Turāth al-Islāmī, Universiti Umm al-Qurā.
- Al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah* (1986), j. 6. Kuwait: Wizārah al-Awqāf Wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah.
- Amjad Rashīd Muḥammad ‘Alī (2000), “al-Imām Ibn Ḥajar al-Haytamī Wa Atharuhu Fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī” (Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Tinggi, Universiti Jordan).

- Anisah Ab. Ghani (2008), “Pandangan Mazhab Fiqh dalam Kes Batal Wuduk Apabila Bersentuh Antara Lelaki dan Wanita Bukan Mahram Semasa Tawaf: Satu Analisis”, *Jurnal Syariah*, 16 (2), 269-278.
- Ardabīlī, Jamāl al-Dīn Yūsuf b. Ibrāhīm al- (t.t), *al-Anwār Li A‘māl al-Abrār*, Kaherah: Mua'ssasah al-Ḥalabī Wa Shurakāh Li al-Nashr Wa al-Tawzī‘.
- Ashqar, ‘Umar Sulaymān al- (1996), *al-Madkhal Ilā Dirāsah al-Madāris Wa al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*, Jordan: Dar al-Nafā‘is.
- ‘Aydarūsī, Muḥy al-Dīn ‘Abd al-Qādīr b. ‘Abd Allāh al- (1985), *Tārīkh al-Nūr al-Sāfir ‘An Akhbār al-Qarn al-‘Ashir*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Baghdādī, Ismā‘īl Bāshā al- (1955), *Hadiyyah al-‘Ārifīn*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabī.
- Baghdādī, Ismā‘īl Bāshā al- (t.t), *Īdāḥ al-Maknūn Fī al-Dhayl ‘Alā Kashf al-Dhunūn*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabī.
- Bujayrimī, Sulaymān al- (1995), *Tuḥfah al-Ḥabīb ‘Alā Sharḥ al-Khaṭīb*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Dimyaḥī, al-Sayyid al-Bakrī Ibn al-Sayyid Muḥammad Shaṭā al- (1993), *Ḥāshiah I‘ānah al-Ṭālibīn ‘Alā Ḥall Alfāz Fatḥ al-Mu‘īn*, Beirut: Dār al-Fikr.
- Ghazzī, Najm al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad al- (1997), *al-Kawākib al-Sā‘irah Bī A‘yān al-Mi‘ah al-‘Ashirah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ḥaddād, Aḥmad b. ‘Abd al-‘Azīz al- (2005), “Muqadimmah”, dalam Yaḥyā b. Sharaf al-Nawawī, *Minḥāj al-Ṭālibīn*, Beirut: Dār al-Bashā‘ir al-Islāmiyyah.
- Ḥājī Khalīfah (t.t), *Kashf al-Dhunūn ‘An Asāmī al-Kutub Wa al-Funūn*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabī.
- Jamāl al-Dīn Yūsuf b. Ibrāhīm al-Ardabīlī (t.t), “Ḥāshiah al-Kummathrā”, dalam *al-Anwār Li A‘māl al-Abrār*, Kaherah: Mua'ssasah al-Ḥalabī Wa Shurakāh Li al-Nashr Wa al-Tawzī‘.
- Jamalluddin bin Hashim, and Abdul Karim bin Ali (2008), “Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim Oleh Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri: Satu Sorotan”, *Jurnal Fiqh*, 5 (9), 197-216.

- Ḥifnawī, Muḥammad Ibrāhīm al- (t.t), *al-Fatḥ al-Mubīn Fī Ḥall Rumūz Wa Muṣṭalāḥāt al-Fuqahā' wa al-Uṣūliyyin*, T.T.P
- Ibn Hajar al-Haytami, Ahmad (1987), *al-Minhaj al-Qawim Sharh al-Muqadimmah al-Hadramiyyah Fī al-Fiqh al-Shafi'i*, Damshik: Dar al-Fayha'.
- Ibn al-‘Imād, Shihāb al-Dīn ‘Abd al-Ḥayy b. Aḥmad al-Hanbalī (1991), *Shadharāt al-Dhahab Fī Akhbār Man Dhahab*, Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Ibn Naqīb, Shihāb al-Dīn Abū ‘Abbās Aḥmad b. Lu'lu' b. ‘Abd Allāh al-Rūmī (1985), *‘Umdah al-Sālik Wa ‘Uddah al-Nāsik*, Damsyik: Maktabah al-Ghazālī.
- Ismā‘īl Sālim ‘Abd al-‘Āl (1992), *al-Baḥth al-‘Ilmī*, T.T.P: Maktabah al-Zahrā’.
- Jazzār, ‘Abd al-Mu‘izz ‘Abd al-Ḥamīd al- (1981), *Ibn Hajar al-Haytamī*, Kaherah: Wizārah al-Awqāf al-Majlis al-A‘lā Li al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah.
- Kāf, Muḥammad b. ‘Umar b. Aḥmad al- (2008), “al-Mu‘tamad ‘Ind al-Shāfi‘iyyah” (Disertasi Sarjana, Fakulti Shari‘ah, Universiti Islam Beirut).
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003), Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamus Dewan* (1993), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* (2007), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karel A. Steenbrink (1988), *Kitab Suci Atau Kertas Toilet*, Yogyakarta: IAIN Sunan Kalijaga Press.
- Khaṭīb al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad al- (1994), *al-Iqnā' Fī Ḥall Alfāz Abī Shujā'*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Khaṭīb al-Sharbīnī, Shams al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad al- (1994), *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma ‘rifah Ma ‘ānī Alfāz al-Minhāj*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Muḥammad Ibrāhīm Aḥmad ‘Alī (1978), “al-Madhab ‘Ind al-Shāfi‘iyyah”, *Majallah Jāmi‘ah al-Malik ‘Abd al-‘Azīz*, Bil. 2, Jun 1978.
- Muṣṭafā b. Ḥāmid b. Ḥasan b. Sumayṭ (2005), *al-Masā’il Ghayr al-Mu‘tamadah Fī al-Minhāj*, Tarīm: Dār al-‘Ilm Wa al-Da‘wah.

- Naamane Djeghin (2007), *Madkhal Ilā al-Madhab al-Shāfi'ī*, Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Noor Naemah Abd. Rahman dan Mohd Nor Hashri Junoh (2003), "Pendekatan Ijtihad Tarjih Dalam Amalan Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan: Rujukan Kepada Fatwa-fatwa 1990-an", *Jurnal Syariah*, 11 (2). 27-50.
- Noor Naemah Abdul Rahman dan Abdul Karim Ali (2006), "Pengajaran Kursus Usul al-Fiqh Peringkat Ijazah Dasar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Pengalaman dan Penilaian", *Jurnal Syariah*, 14 (1). 143-164.
- Noor Naemah Abd. Rahman (2002), "Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa", *Jurnal Syariah*, 10 (2). 19-30.
- Qawāsīmī, Akram Yūsuf 'Umar al- (2003), *al-Madkhal Ilā Madhab al-Imām al-Shāfi'ī*, Jordan: Dār al-Nafā'is.
- R. J. Wilkinson (1985), *Manuskrip Klasik Kamus Jawi Melayu Inggeris (A Classic Jawi Malay-English Dictionary)*, Melaka: Penerbit Baharudinjoha.
- Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad b. Abī 'Abbās Aḥmad b. Ḥamzah Ibn Shihāb al-Dīn al- (1993), *Nihāyah al-Muḥtāj Ilā Sharḥ al-Minhāj*, Mekkah: Maktabah Dār al-Bāz.
- Rānīrī, Shaykh Nūr al-Dīn al- (1937), *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm Fī Fiqh Madhab al-Imām al-Shāfi'ī raḍiy Allāh 'anhu*, Mesir: Sharikah Maktabah Wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlādih.
- Rānīrī, Shaykh Nūr al-Dīn al- (t.t), "al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm", dalam Shaykh Muḥammad Arsyad al-Banjārī, *Sabīl al-Muhtadīn Li al-Tafaqquh Fī Amr al-Dīn*, Singapura: Pustaka Nasional.
- Saqqāf, Al-Sayyid 'Alawī b. Aḥmad al- (1940), "al-Fawa'id al-Makkiyyah Fi Ma Yahtajuhu Talabah al-Shafi'iyyah Min al-Masa'il Wa al-Dawabit Wa al-Qawa'id al-Kulliyyah", dalam Al-Sayyid 'Alawī b. Aḥmad al-Saqqāf, *Sab'ah Kutub Muḥīdah*, Mesir: Sharikah Maktabah Wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlādih.
- Saqqāf, Al-Sayyid 'Alawī b. Aḥmad al- (t.t), *Tarshīḥ al-Mustafīdīn*, Beirut: Mu'asassah Dār al-'Ulūm.

- Shawkānī, Muḥammad b. ‘Alī al- (1998), *al-Badr al-Ṭālī ‘ Bi Maḥāsin Man Ba‘ al-Qarn al-Šabi‘*, Beirut: Dār al-Fikr.
- ‘Umar Riḍā Kaḥālāh (1993), *Mu‘jam al-Mu‘allifīn*, Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- Wahyunah Hj. Abd. Gani (1991), *Panduan Kosa Kata Sastera Klasik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- William Marsden (1812), *Dictionary Of The Malayan Language*, London: Cox and Baylis.
- Yūsuf, Muḥammad al-Ṭayyib b. Muḥammad b. Yūsuf al- (2000), *al-Madhhab ‘Ind al-Shāfi‘iyyah Wa Dhikr Ba‘d ‘Ulamā‘ihim Wa Kutubihim Wa Iṣṭilāḥātihim*, Taif: Maktabah Dār al-Bayān al-Ḥadīthah.
- Ziriklī, Khayr al-Dīn al- (2002), *al-A ‘lām*, Beirut: Dār al-‘Ilm Li al-Malāyīn.
- Zuḥaylī, Muḥammad al- (1992), *Marji‘ al-‘Ulūm al-Islāmiyyah*, Damsyik: Dār al-Ma‘rifah.

